

Nama Pelajar Tingkatan.....



PERSIDANGAN MAJLIS PENGETUA
MAAHAD KERAJAAN / SMU (A) BANTUAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN



1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2010
2 ¼ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

Bahagian A

[30 markah]

(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada amalan gaya hidup sihat. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah amalan gaya hidup sihat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.

AMALAN GAYA HIDUP SIHAT



PEMERIKSAAN KESIHATAN



JAUHI DARIPADA MEROKOK



AMALAN BERSENAM



MENJAGA PEMAKANAN

Bahagian B*[100 markah]*

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Anda mempunyai impian untuk menjadi seorang pemimpin masyarakat yang berjaya kepada agama, bangsa dan negara.

Bagaimanakah impian anda itu dapat dicapai?

2. Masyarakat pelbagai kaum di negara kita sangat kaya dengan warisan tradisi yang menjadi kebanggaan bangsa dan khazanah negara tetapi amalan turun-temurun ini semakin terhakis.

Mengapakah amalan tradisi bangsa semakin terhakis pada masa kini?

3. Sistem pengangkutan awam di negara kita perlu dipertingkatkan dari segi kualiti perkhidmatannya, kepelbagaian jenis pengangkutan awam dan kuantitinya supaya rakyat lebih gemar untuk menggunakannya.

Jelaskan pernyataan di atas.

4. Program lawatan kebudayaan dan kesenian ke negara-negara jiran mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara yang terlibat.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan tersebut.

5. Masyarakat kita kurang minat membaca karya sastera berbanding karya bukan sastera.

Bincangkan.

Nama Tingkatan.....



PERSIDANGAN MAJLIS PENGETUA
MAAHAD KERAJAAN / SMU (A) BANTUAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2010
2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

BAHASA MELAYU
Kertas 2

TINGKATAN 5
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara untuk menghilangkan tekanan atau "stres" dan punca-punca seseorang itu mengalami tekanan. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Tekanan atau "stres" boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada individu sama ada dari segi fizikal atau emosi. Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, akan *mengundang risiko* kepada masalah mental seperti kegelisahan dan kemurungan. Memang sukar untuk mengelakkan punca tekanan atau "stres" secara menyeluruh tetapi kita mampu berusaha menangani tanda-tanda awal dengan menjana sikap positif melalui minda dan emosi seseorang.

Amalan gaya hidup sihat seperti bersenam secara teratur sangat penting dalam kehidupan kita. Oleh itu, seseorang itu perlu mengelakkan daripada pengambilan kafein, alkohol dan menghisap rokok dalam kehidupan seharian mereka. Anda digalakkan agar sentiasa memilih sistem pemakanan sihat dengan menambahkan sayur-sayuran, bijirin dan buah-buahan. Minumlah jus buah-buahan setiap pagi dan makan sayur-sayuran secara berlebihan untuk menambahkan kesihatan minda dan badan.

Berurut atau mengunjungi spa boleh merehatkan minda dan badan. Orang yang berkemampuan patut menjalankan aktiviti ini walaupun bayarannya agak mahal tetapi boleh mendatangkan kesan positif yang berpanjangan. Dengan urutan yang betul, teknik ini mampu mengurangkan tekanan darah dan melegakan kekejangan otot. Aliran darah akan berjalan dengan sempurna selepas urutan dilakukan. Bauan yang segar pula akan merehatkan minda dan fikiran akan menjadi tenang. Seharian suntuk mereka bekerja di pejabat yang penuh dengan tekanan atau "stres" maka eloklah pada hujung minggu atau sekali dalam sebulan meluangkan masa mengunjungi spa untuk merchatkan badan dan minda.

Sesetengah pekerja sentiasa merancang mengambil cuti pada hari tertentu untuk bersama-sama dengan keluarga. Mereka perlu meluangkan masa yang mencukupi bersama anak-anak, isteri atau suami untuk merapatkan hubungan dan kemesraan melalui aktiviti yang merehatkan minda atau fikiran. Oleh itu, bercuti sangat penting kerana boleh membantu melupakan seketika masalah dan tekanan di tempat bekerja. Amalan bersantai pada hujung minggu atau pada masa yang tertentu juga boleh menenangkan fikiran. Jika tidak mampu bersantai sekali seminggu maka boleh dilakukan sekali dalam sebulan. Pilihlah tempat-tempat yang berhampiran dengan kawasan kediaman anda untuk menjimatkan perbelanjaan. Cubalah terokai alam keindahan air terjun, pantai yang tenang dan bersih, tanah tinggi yang nyaman dan kawasan pulau yang mengasyikkan.

Dalam agama Islam pula, banyak amalan yang mendidik umatnya supaya sentiasa menjaga kesihatan fizikal dan mental. Amalan membaca al-Quran merupakan langkah terbaik untuk menenangkan jiwa seseorang. Apabila membaca al-Quran, hati kita akan sentiasa tenang dan fikiran dapat direhatkan. Kita akan menumpukan perhatian terhadap isi dan pengajaran daripada al-Quran. Seseorang itu akan mengingati Allah dan menyerahkan segala takdir kepada Allah semoga amalan hariannya akan memperoleh keredaan dan rahmat daripada Allah.

Mereka yang mengalami masalah dinasihatkan berkongsi suka duka masing-masing bersama seseorang yang memahami kerana tekanan atau "stres" mampu dikurangkan

dengan cara itu dan sebarang masalah lebih mudah diselesaikan secara perbincangan atau menulisnya dalam diari atau blog. Tidur yang mencukupi juga sangat penting bagi seseorang yang penat bekerja. Tidur ialah suatu elemen rehat yang penting untuk tubuh dan minda supaya dapat kembali bertenaga secara fizikal dan mental keesokan harinya. Kadang-kadang berkebun juga merupakan aktiviti yang boleh menghilangkan tekanan. Walaupun berkebun memerlukan tenaga yang banyak tetapi apabila peluh keluar daripada badan, seseorang itu akan menjadi lebih sihat dan mindanya lebih tenang. Ketenangan ini akan dirasakan apabila melihat hasil yang ditanam dapat dituai dan dimakan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
"Aktiviti Berfaedah Mampu Menghilangkan Tekanan"
oleh Mona Ahmad,
Berita Harian, Jun 2010)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengundang risiko*. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah amalan berurut boleh merehatkan minda dan badan seseorang? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah terdapat segelintir masyarakat kita yang tidak mahu mengatasi masalah tekanan atau stres yang dialami olehnya? [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bibah mengheret Mariah turun tangga. Pemuda berkumis menghampiri Mariah.

"Ada apa Han?" Mariah seperti kehairanan.

"Ayah kemalangan. Ada di hospital."

Aku berlari mencari Cikgu Tini. Dengan menumpang kereta Cikgu Tini, aku dan Bibah menuruti Mariah yang sudah dilarikan oleh lelaki berkumis itu.

Di luar wad kecemasan, Mariah menangis tersedu-sedu. Aku memeluk Mariah dengan erat. Ketika Mariah mendepakan tangan dan merangkul Cikgu Tini aku ikut menangis.

"Apalah nasib Mariah, Cikgu," sedu Mariah.

Pemuda bernama Borhan mendekati Cikgu Tini.

"Pak Cik Bakar dilanggar lori. Kebetulan saya melalui tempat kejadian itu," cerita pemuda yang bernama Borhan itu lagi.

"Bagaimana dengan ayah, Han?"

"Ayah sedang dirawat," ujar Cikgu Tini sekalipun perasaannya terlalu sebak untuk menceritakan apa yang sudah terjadi.

Tetapi Cikgu Tini tidak dapat menahan air matanya yang jatuh. Sekali gus menjadikan Mariah meraung dengan kuat.

"Ceritakan yang benar kepada Mariah! Ceritakanlah. Ceritakan abang Borhan!"

Beberapa orang jururawat terpinga-pinga mendengar suara kecil yang lantang itu.

"Cikgu, saya ingin melihat Mariah berjaya dalam pelajaran. Saya akan menanggungnya, jika diizinkan sampai beranak cucu."

Mariah berhenti menangis. Tunduk seperti malu apabila Borhan mendedahkan niat sucinya itu.

"Bolehkah Mariah terus belajar?"

(Dipetik daripada cerpen *Mariah* oleh Sharif Putera dalam *Antologi Kerusi*, DBP, 2000)

- (i) Apakah janji Borhan terhadap Mariah?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah tindakan yang patut dilakukan oleh Mariah untuk mengurangkan kesedihan dalam hidupnya?
[4 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **dua** nilai lagi daripada keseluruhan cerpen tersebut.
[3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka segala makmum pun takbirlah. Baharulah imam membaca fatihah, maka sipahi yang kecepat itu pun datanglah lalu diparangnya leher jauhari itu putus terpelanting pada kaki Jibor itu. Maka Jibor pun terkejut lalu ia melompat. Maka segala orang yang bersembahyang itu pun habis pecahlah lari. Maka sembahyang itu pun menjadi batallah, sekalian makmum itu pun pecah belah, tiada berketahuan, hanya yang tiada batal itu imam dengan Sabor juga. Setelah tamatlah sembahyang kedua mereka itu, maka Sabor pun baharulah tahu akan fitnah itu daripada Saidah juga.

Maka Jibor pun terlalu hairan melihat Sabor tiada mati itu, *sekonyong-konyong akan jauhari juga mati*, maka adalah ia berdosa dari dahulu dengan Saidah itu; sebab itulah mati. Maka lalu Jibor pun berfikir di dalam hatinya, "takut benar juga saudaraku Sabor itu; maka ia dilepaskan Allah *subhanahu wataala* daripada bala ini."

Maka segala keluarga jauhari pun datanglah dengan keris lembingnya mari bertanya kepada Jibor. Maka kata Jibor, "tiada hamba ketahui."

Maka mayat jauhari itu pun diambil oranglah dibawanya ke rumahnya itu, seraya menyiasat orang yang membunuh jauhari itu. Maka tiadalah dapat orang membunuh itu. Maka mayat jauhari ditanamkan oranglah, seperti cara agama Islam.

(Dipetik daripada "Sabor,"
dalam Antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Jelaskan maksud rangkai kata "*sekonyong-konyong akan jauhari juga mati*"
[2 markah]
- (ii) Apakah tindakan keluarga jauhari setelah mengetahui pembunuhan itu?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan daripada berlakunya pembunuhan itu?
[3 markah]

Soalan 2 (d) Puisi

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang;
Ada isteri dibunuh
Nyaris mati oleh tak makan
Masa belayar kematian angin
Sauh dilabuh *bayu berpuput*
Ada rumah bertandang duduk.

(Dipetik dalam *Antologi Anak Laut*, DBP, 2000)

- (i) Apakah maksud rangkai kata '*bayu berpuput*'? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah nasib malang yang dialami oleh Pak Kaduk itu dapat diubah? [4 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam seloka di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa*[30 markah]**Jawab semua soalan*

- (a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) karangan - perkarangan
- (ii) niaga - perniagaan
- (iii) terang - penerangan

[6 markah]

- (b) *Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal.*

- (i) *Pelancong Eropah gemar akan durian kerana buah durian mempunyai khasiat yang banyak.*
- (ii) *Sebuah jet pejuang Amerika Syarikat telah terhempas di Lautan Hindi dan tiga anggota tentera telah terkorban.*
- (iii) *Pengetahuan sejarah amat penting difahami oleh pelajar sekolah demi memupuk semangat cinta akan negara.*

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) *Program latih tubi ini diadakan untuk diberi ransangan kepada pelajar-pelajar supaya mereka bersemangat untuk belajar dan memperoleh kejayaan yang cemerlang.*
- (ii) *Matapelajaran kepenggunaan akan memperkenalkan kepada pelajar-pelajar sekolah supaya mereka sentiasa peka terhadap kepentingan dan peranan pengguna.*
- (iii) *Kerajaan akan memberi bantuan kepada pengusaha perabot tempatan sebagai galakkan untuk meningkatkan industri kecil dan sederhana di kawasan desa.*

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Sebuah pesawat dari negara China terpaksa berhenti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk membaiki kerosakan sebelum meneruskan penerbangan ke Bombay dalam masa dua setengah jam dari sekarang.
- (ii) Di musim sejuk, aktiviti pemburuan hidupan liar di Kanada Utara giat dijalankan kerana ternakan ini lapar dan mempunyai bulu yang cantik.
- (iii) Mona mengucapkan tahniah kepada Fadilah di atas kejayaannya yang telah menjuarai dalam perlawanan Pidato Peringkat Kebangsaan 2010.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan nyatakan satu peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Bakat yang ada pada Tukiman dalam bidang seni lakonan itu kebanyakannya diwarisi daripada kedua-dua ibu bapanya seperti kata peribahasa **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.
- (ii) Encik Ahmad mengambil keputusan untuk kembali menetap di kampung halamannya setelah hampir 30 tahun berada di perantauan seperti kata peribahasa **seperti belut pulang ke lumpur**.
- (iii) Akhirnya pertolongan yang diberi oleh Halim kepada keluarga Karim telah dibalas dengan maki hamun seperti kata peribahasa **air susu dibalas dengan air tuba**.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
- (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

- (a) Huraikan **dua** peristiwa yang menarik dalam novel yang telah anda pelajari. Mengapakah peristiwa itu sangat menarik bagi anda?

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, bandingkan **dua** latar tempat yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]